

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 24 TAHUN 2007

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS
DAN KONSTABEL ORANG ASLI**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang telah diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ditambah baik dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan kemajuan kerjaya pegawai selaras dengan perubahan persekitaran masa kini. Berikutan daripada ini, skim perkhidmatan berkenaan adalah dipinda sewajarnya.

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI

3. Skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 diubah seperti berikut:

- (a) syarat lantikan tamat Darjah Enam serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan **diubah** kepada lulus Penilaian Menengah Rendah (PMR)/ Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan kepujian dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (b) memperuntukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel.

4. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa dikekalkan.

5. Skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini adalah seperti di **Lampiran A** dan format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4 dan C5**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran D, D1, D2, D3, D4 dan D5**.

6. Dengan perbekalan KPSL seperti di perenggan 3(b) di atas, skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel diubah seperti di **Lampiran E**.

PELAKSANAAN

7. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah mengikut pangkat dan gred yang sama seperti berikut:

- (a) Sub-Inspektor Polis Orang Asli Gred YP10 akan ditukar lantik ke Sub-Inspektor Polis Orang Asli Gred YP10;
- (b) Sarjan Mejar Polis Orang Asli Gred YP8 akan ditukar lantik ke Sarjan Mejar Polis Orang Asli Gred YP8;
- (c) Sarjan Polis Orang Asli Gred YP6 akan ditukar lantik ke Sarjan Polis Orang Asli Gred YP6;
- (d) Koperal Polis Orang Asli Gred YP4 akan ditukar lantik ke Koperal Polis Orang Asli Gred YP4;
- (e) Lans Koperal Polis Orang Asli Gred YP2 akan ditukar lantik ke Lans Koperal Polis Orang Asli Gred YP2; dan
- (f) Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 akan ditukar lantik ke Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1.

PEMBERIAN OPSYEN

8. Dengan pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan opsyen kepada Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli bagi membolehkan mereka membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10 yang diubah. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang diubah ini. Mereka akan kekal di gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

10. Tawaran opsyen ini diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 11, dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

14. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

15. Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 yang tidak mempunyai kelayakan PMR/SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum memenuhi syarat tempoh berkhidmat genap sembilan (9) tahun pada tarikh pertukaran pelantikan hendaklah diberi opsyen dengan menggunakan borang opsyen khas seperti di **Lampiran G, G1 dan G2**.

16. Pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan adalah tidak terlibat dalam urusan pemberian opsi ini.

KAEDAH PENETAPAN GAJI

17. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini ditetapkan seperti berikut:

- (a) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru;
- (b) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang dari satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (c) jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

18. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini bagi setiap gred ditetapkan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli

(a) Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1

- (i) Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred YP1 baru;
- (ii) Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di Gred YP1 asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YP1 asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YP1 asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred YP1 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (iii) Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 yang berkelayakan tamat Darjah Enam yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan **telah berkhidmat genap sembilan (9) tahun pada 31 Disember 2007** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YP1 asal yang mana jumlahnya tidak kurang dari satu

Pergerakan Gaji Biasa di gred YP1 asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred YP1 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Tempoh berkhidmat selama **sembilan (9) tahun** yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji; dan

- (iv) Konstabel Polis Orang Asli Gred YP1 yang berkelayakan tamat Darjah Enam dan **belum genap sembilan (9) tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2007** hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke matagaji berkaitan pada Gred YP1 baru **sehari selepas** memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap **sembilan (9) tahun** perkhidmatan. Tempoh berkhidmat selama **sembilan (9) tahun** yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

(b) **Lans Koperal Polis Orang Asli Gred YP2**

- (i) Lans Koperal Polis Orang Asli Gred YP2 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YP2 asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YP2 asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred YP2 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(c) **Koperal Polis Orang Asli Gred YP4**

- (i) Koperal Polis Orang Asli Gred YP4 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YP4 asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YP4 asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred YP4 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(d) **Sarjan Polis Orang Asli Gred YP6**

- (i) Sarjan Polis Orang Asli Gred YP6 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di Peringkat (P) gaji di Gred YP6 asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YP6 asal. Jika matagaji di Peringkat (P) di Gred YP6 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(e) **Sarjan Mejar Polis Orang Asli Gred YP8**

- (i) Sarjan Mejar Polis Orang Asli Gred YP8 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di Peringkat (P) gaji di Gred YP8 asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YP8 asal. Jika matagaji di Peringkat (P) di Gred YP8 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(f) **Sub-Inspektor Polis Orang Asli Gred YP10**

- (i) Sub-Inspektor Polis Orang Asli Gred YP10 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di Peringkat (P) gaji di Gred YP10 asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YP10 asal. Jika matagaji di Peringkat (P) di Gred YP10 baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

19. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran H, H1, H2 dan H3**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

21. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru itu ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

23. TPG bagi pegawai yang belum layak untuk ditukar lantik ke gred jawatan baru yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik dan TPG barunya ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

24. Pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini.

25. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

26. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada ketua jabatan/ perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan**

(i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis;

- (ii) menyampaikan tawaran opsi kepada Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsi ini hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat termasuklah implikasi keputusan yang akan dibuat;
- (iii) menyampaikan tawaran opsi kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ini dengan menggunakan borang opsi khas;
- (iv) Ketua Jabatan hendaklah mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (v) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsi**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsi sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsi yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsi iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan

- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran opsyen.


TARIKH KUAT KUASA

27. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10 yang diubah ini ialah mulai **1 Januari 2008**.

AM

28. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 adalah diubah seperti di **Lampiran A**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAH ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Disember 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Polis
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara
Ketua Audit Negara

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Pangkat	Gred	Jadual Gaji Matriks	
Konstabel	Gred YP1	:	P1T1 RM854.63 - P1T16 RM1730.93
			P2T1 RM914.76 - P2T16 RM1816.71
			P3T1 RM976.62 - P3T16 RM1904.52
Lans Koperal	Gred YP2	:	P1T1 RM1378.68 - P1T9 RM1887.24
			P2T1 RM1516.14 - P2T9 RM2093.50
Koperal	Gred YP4	:	P1T1 RM1035.04 - P1T15 RM2141.53
			P2T1 RM1172.50 - P2T15 RM2445.77
Sarjan	Gred YP6	:	P1T1 RM1455.99 - P1T10 RM2306.49
			P2T1 RM1655.31 - P2T10 RM2567.73
Sarjan Mejar	Gred YP8	:	P1T1 RM1739.50 - P1T9 RM2495.50
			P2T1 RM1959.43 - P2T9 RM2770.47
Sub-Inspektor	Gred YP10	:	P1T1 RM2023.01 - P1T9 RM2779.01
			P2T1 RM2263.55 - P2T9 RM3074.59

**KELAYAKAN UNTUK
LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia yang berasal dari kaum Orang Asli (mengikut tafsiran Akta Orang-orang Asli 1974);
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) lulus Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - (ii) kepujian dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YP1 : P1T1)
- dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.52m;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6kg;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm;
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;

- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar termasuk pemeriksaan x-ray.
- PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN** 2. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YP1 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 4. Konstabel Orang Asli yang dilantik boleh dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** 5. Konstabel Orang Asli yang dilantik boleh dikehendaki mengikut latihan selama tempoh yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN** 6. Konstabel Orang Asli dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
- GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN** 7. Konstabel Orang Asli dalam tempoh percubaan yang gagal latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 8. Konstabel Orang Asli yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) tamat dengan jayanya latihan yang ditetapkan;
 - (c) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan
 - (d) diperaku oleh Pegawai Memerintahnya.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** 9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN** 10. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KEMAJUAN KE PANGKAT LANS KOPERAL ORANG ASLI** 11. Konstabel Orang Asli adalah layak dipertimbang untuk kemajuan ke pangkat Lans Koperal Orang Asli apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (b) mendapat sokongan dari Pegawai Memerintahnya.
- KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KOPERAL ORANG ASLI** 12. Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatan atau Lans Koperal Orang Asli adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Koperal Orang Asli yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN SARJAN
ORANG ASLI**

13. Koperal Orang Asli adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Orang Asli yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN SARJAN MEJAR
ORANG ASLI**

14. Sarjan Orang Asli adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar Orang Asli yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN SUB-INSPEKTOR
ORANG ASLI**

15. Sarjan Mejar Orang Asli adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sub-Inspektor Orang Asli yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN KONSTABEL
DALAM PERKHIDMATAN
PEGAWAI RENDAH POLIS
DAN KONSTABEL**

16. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Konstabel yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002, JPA(S)256/21/17-1(3)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Konstabel Orang Asli
- (b) Kementerian/ Jabatan : Polis Diraja Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Polis

2. Jadual Gaji

Gaji Matriks

Gred YP1	:	P1T1 RM854.63	-	P1T16 RM1730.93
		P2T1 RM914.76	-	P2T16 RM1816.71
	:	P3T1 RM976.62	-	P3T16 RM1904.52
Gred YP2	:	P1T1 RM1378.68	-	P1T9 RM1887.24
		P2T1 RM1516.14	-	P2T9 RM2093.50
Gred YP4	:	P1T1 RM1035.04	-	P1T15 RM2141.53
		P2T1 RM1172.50	-	P2T15 RM2445.77
Gred YP6	:	P1T1 RM1455.99	-	P1T10 RM2306.49
		P2T1 RM1655.31	-	P2T10 RM2567.73
Gred YP8	:	P1T1 RM1739.50	-	P1T9 RM2495.50
		P2T1 RM1959.43	-	P2T9 RM2770.47
Gred YP10	:	P1T1 RM2023.01	-	P1T9 RM2779.01
		P2T1 RM2263.55	-	P2T9 RM3074.59

3. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia yang berasal dari kaum Orang Asli (mengikut tafsiran Akta Orang-orang Asli 1974);
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred YP1 : P1T1);
dan

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.52m tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6kg;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm;

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar termasuk pemeriksaan x-ray.

4. Taraf Jawatan : Tetap

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas Perkhidmatan Polis

7. Tarikh tutup permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

LAMPIRAN C

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

PANGKAT: KONSTABEL

- I. GRED GAJI SSM: YP1
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YP01000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS: YP1

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16
P1	854.63	913.05	971.47	1029.89	1088.31	1146.73	1205.15	1263.57	1321.99	1380.41	1438.83	1497.25	1555.67	1614.09	1672.51	1730.93
P2	914.76	974.89	1035.02	1095.15	1155.28	1215.41	1275.54	1335.67	1395.80	1455.93	1516.06	1576.19	1636.32	1696.45	1756.58	1816.71
P3	976.62	1038.48	1100.34	1162.20	1224.06	1285.92	1347.78	1409.64	1471.50	1533.36	1595.22	1657.08	1718.94	1780.80	1842.66	1904.52

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

PANGKAT: LANS KOPERAL

- I. GRED GAJI SSM: YP2
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YP02000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS: YP2

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	1378.68	1442.25	1505.82	1569.39	1632.96	1696.53	1760.10	1823.67	1887.24
P2	1516.14	1588.31	1660.48	1732.65	1804.82	1876.99	1949.16	2021.33	2093.50

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

PANGKAT: KOPERAL

- I. GRED GAJI SSM: YP4
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YP04000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS: YP4

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15
P1	1035.04	1098.61	1162.18	1225.75	1289.32	1352.89	1416.46	1480.03	1574.53	1669.03	1763.53	1858.03	1952.53	2047.03	2141.53
P2	1172.50	1244.67	1316.84	1389.01	1461.18	1533.35	1634.73	1736.11	1837.49	1938.87	2040.25	2141.63	2243.01	2344.39	2445.77

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

PANGKAT: SARJAN

- I. GRED GAJI SSM: YP6
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YP06000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS: YP6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	1455.99	1550.49	1644.99	1739.49	1833.99	1928.49	2022.99	2117.49	2211.99	2306.49
P2	1655.31	1756.69	1858.07	1959.45	2060.83	2162.21	2263.59	2364.97	2466.35	2567.73

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

PANGKAT: SARJAN MEJAR

- I. GRED GAJI SSM: YP8**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YP08000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008**

JADUAL GAJI MATRIKS: YP8

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	1739.50	1834.00	1928.50	2023.00	2117.50	2212.00	2306.50	2401.00	2495.50
P2	1959.43	2060.81	2162.19	2263.57	2364.95	2466.33	2567.71	2669.09	2770.47

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)
SOKONGAN
(RM SEBULAN)**

PANGKAT: SUB-INSPEKTOR

- I. GRED GAJI SSM: YP10
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YP10000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS: YP10

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	2023.01	2117.51	2212.01	2306.51	2401.01	2495.51	2590.01	2684.51	2779.01
P2	2263.55	2364.93	2466.31	2567.69	2669.07	2770.45	2871.83	2973.21	3074.59

**PENGHURAIAN KERJA
KONSTABEL POLIS ORANG ASLI YPI**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Polis Diraja Malaysia

2. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS UTAMA

2.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan

- a. Menjalankan rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan;
- b. Bertugas di pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan
- c. Mengawal daripada pencerobohan asing; dan
- d. Mengawal aktiviti penyeludupan.

2.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Mengumpul maklumat mengenai pencerobohan dan penyeludupan; dan
- b. Membantu siasatan.

2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

Mengumpul risikan keselamatan.

2.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Membantu dalam tugas pencegahan jenayah; dan
- b. Membantu dalam membuat tangkapan.

3. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS-TUGAS LAIN (SEKSYEN 20 DAN 21 AKTA POLIS 1967)

- 3.1 Membantu mengawal keselamatan di pesisiran pantai dan perairan Malaysia;
- 3.2 Membantu menjaga keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang) dan tempat-tempat awam;
- 3.3 Memberi bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM dalam melaksana dan menguatkuasa undang-undang;
- 3.4 Menyebarkan maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan;
- 3.5 Menjaga harta yang tidak dituntut/ hilang;
- 3.6 Menjaga harta awam dari hilang atau rosak;
- 3.7 Menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- 3.8 Membantu mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan; dan
- 3.9 Mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

4. HUBUNGAN LUAR DAN KEPOLISAN KOMUNITI

- 4.1 Menjalinkan hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- 4.2 Memberi kerjasama dan menjalinkan hubungan dengan orang awam (masyarakat setempat).

5. PENGURUSAN ORGANISASI

- 5.1 Menghadiri latihan; dan
- 5.2 Menjalankan aktiviti PDRM.

6. HUBUNGAN KERJA

6.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

6.2 Luaran

- a. Masyarakat setempat;
- b. Syarikat swasta;
- c. Jabatan/ agensi kerajaan; dan
- d. Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*).

7. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Konstabel (Orang Asli) mengikuti latihan di dalam dan luar negara jika perlu.

9. ANCAMAN

- 9.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah;
- 9.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara;
- 9.3 Terdedah kepada tekanan mental; dan
- 9.4 Rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA
LANS KOPERAL POLIS ORANG ASLI YP2**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Polis Diraja Malaysia.

2. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS UTAMA

2.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan

- a. Menjalankan rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan;
- b. Bertugas di pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan
- c. Mengawal daripada pencerobohan asing; dan
- d. Mengawal aktiviti penyeludupan.

2.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Mengumpul maklumat mengenai pencerobohan dan penyeludupan; dan
- b. Membantu siasatan.

2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

Mengumpul risikan keselamatan.

2.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Membantu dalam tugas pencegahan jenayah; dan
- b. Membantu dalam membuat tangkapan.

3. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS-TUGAS LAIN (SEKSYEN 20 DAN 21 AKTA POLIS 1967)

- 3.1 Membantu mengawal keselamatan di pesisiran pantai dan perairan Malaysia;
- 3.2 Membantu menjaga keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang) dan tempat-tempat awam;
- 3.3 Memberi bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM dalam melaksana dan menguatkuasa undang-undang;
- 3.4 Menyebarkan maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan;
- 3.5 Menjaga harta yang tidak dituntut/ hilang;
- 3.6 Menjaga harta awam dari hilang atau rosak;
- 3.7 Menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- 3.8 Membantu mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan; dan
- 3.9 Mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

4. HUBUNGAN LUAR DAN KEPOLISAN KOMUNITI

- 4.1 Menjalinkan hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- 4.2 Memberi kerjasama dan menjalinkan hubungan dengan orang awam (masyarakat setempat).

5. PENGURUSAN ORGANISASI

- 5.1 Menghadiri latihan; dan
- 5.2 Menjalankan aktiviti penambahbaikan.

6. HUBUNGAN KERJA

6.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

6.2 Luaran

- a. Masyarakat setempat;
- b. Syarikat swasta;
- c. Jabatan/ agensi kerajaan; dan
- d. Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*).

7. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Lans Koperal (Orang Asli) mengikuti latihan di dalam dan luar negara jika perlu.

9. ANCAMAN

- 9.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah;
- 9.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara;
- 9.3 Terdedah kepada tekanan mental; dan
- 9.4 Rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA
KOPERAL POLIS ORANG ASLI YP4**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Polis Diraja Malaysia.

2. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS UTAMA

2.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Menyelia/ melaksana penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan

- a. Mengatur/ melaksanakan rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan;
- b. Mengatur/ menjalankan kawalan di pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan
- c. Mengatur/ mengawal daripada pencerobohan asing; dan
- d. Menyelia/ mengawal aktiviti penyeludupan.

2.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Mengatur dan menjalankan pengumpulan maklumat; dan
- b. Mengatur/ menjalankan tugas membantu pegawai penyiasat.

2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

Mengatur dan menjalankan pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

2.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Membantu dalam tugas pencegahan jenayah; dan
- b. Menyelia/ membantu dalam menjalankan tangkapan.

3. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS-TUGAS LAIN (SEKSYEN 20 DAN 21 AKTA POLIS 1967)

- 3.1 Menyelia/ menjalankan tugas kawalan keselamatan di pesisiran pantai dan perairan Malaysia;
- 3.2 Menyelia/ menjalankan kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang) dan tempat-tempat awam;
- 3.3 Menyelia/ menjalankan tugas bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM dalam melaksana dan menguatkuasa undang-undang;
- 3.4 Menyelia/ menjalankan tugas menyebarkan maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan;
- 3.5 Menjaga/ menyelia tugas memberi perlindungan harta yang tidak dituntut/ hilang;
- 3.6 Menjaga/ menyelia tugas memberi perlindungan harta awam dari hilang atau rosak;
- 3.7 Menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- 3.8 Menyelia/ menjalankan tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan; dan
- 3.9 Menyelia/ menjalankan tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

4. HUBUNGAN LUAR DAN KEPOLISAN KOMUNITI

- 4.1 Menyelia dan melaksanakan usaha-usaha dalam menjalin hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- 4.2 Menyelia/ melaksanakan tugas kerjasama dan menjalinkan hubungan dengan orang awam (masyarakat setempat).

5. PENGURUSAN ORGANISASI

- 5.1 Menilai prestasi anggota;
- 5.2 Mengawal prestasi dan penambahbaikan;
- 5.3 Menyelia/ menghadiri latihan;
- 5.4 Mengawal disiplin dan etika kerja; dan
- 5.5 Menyelia anggota bawahan menjalankan aktiviti penambahbaikan.

6. HUBUNGAN KERJA

6.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

6.2 Luaran

- a. Masyarakat setempat;
- b. Syarikat swasta;
- c. Jabatan/ agensi kerajaan; dan
- d. Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*).

7. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Koperal (Orang Asli) mengikuti latihan di dalam dan luar negara jika perlu.

9. ANCAMAN

- 9.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah;
- 9.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara;
- 9.3 Terdedah kepada tekanan mental; dan
- 9.4 Rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA
SARJAN POLIS ORANG ASLI YP6**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Polis Diraja Malaysia.

2. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS UTAMA

2.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Mengatur dan menyelia pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan

- a. Mengatur dan menyelia rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan;
- b. Mengatur dan menyelia petugas pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan
- c. Mengatur dan menyelia tugas-tugas kawalan daripada pencerobohan asing; dan
- d. Mengatur dan menyelia tugas mengawal aktiviti penyeludupan.

2.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Mengurus maklumat; dan
- b. Membantu siasatan.

2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

Mengatur dan menyelia pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

2.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Mengatur dan menyelia bantuan dalam melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah; dan
- b. Mengatur dan menyelia bantuan dalam melaksanakan tangkapan.

3. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS-TUGAS LAIN (SEKSYEN 20 DAN 21 AKTA POLIS 1967)

- 3.1 Mengatur dan menyelia bantuan kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang), tempat-tempat awam serta sasaran penting;
- 3.2 Mengatur dan menyelia bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM;
- 3.3 Mengatur dan menyelia penyebaran maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan;
- 3.4 Menyelia dan memberi perlindungan harta yang tidak dituntut/ hilang;
- 3.5 Menyelia dan memberi perlindungan harta awam dari hilang atau rosak;
- 3.6 Menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- 3.7 Mengatur dan menyelia tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan; dan
- 3.8 Mengatur tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

4. HUBUNGAN LUAR DAN KEPOLISAN KOMUNITI

- 4.1 Mengatur dan menyelia pelaksanaan usaha-usaha dalam menjalin hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- 4.2 Mengatur dan menyelia aktiviti kerjasama dan menjalinkan hubungan dengan orang awam (masyarakat setempat).

5. PENGURUSAN ORGANISASI

- 5.1 Mengatur/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
- 5.2 Menilai prestasi anggota;
- 5.3 Mengawal prestasi dan penambahbaikan;
- 5.4 Mengatur dan menyelia latihan; dan
- 5.5 Mengawal disiplin dan etika kerja.

6. HUBUNGAN KERJA

6.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam PDRM.

6.2 Luaran

- a. Orang awam;
- b. Syarikat swasta;
- c. Jabatan/ agensi kerajaan; dan
- d. Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*).

7. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Sarjan (Orang Asli) mengikuti latihan di dalam dan luar negara jika perlu.

9. ANCAMAN

- 9.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti berhadapan dengan penjenayah, ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah;
- 9.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara;
- 9.3 Terdedah kepada tekanan mental; dan
- 9.4 Rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA
SARJAN MEJAR POLIS ORANG ASLI YP8**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Polis Diraja Malaysia.

2. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS UTAMA

2.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Menyelia tugas penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan

- a. Menyelia rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan;
- b. Menyelia pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan;
- c. Menyelia tugas-tugas kawalan daripada pencerobohan asing;
dan
- d. Menyelia tugas mengawal aktiviti penyeludupan.

2.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Menyelaraskan pengumpulan maklumat; dan
- b. Membantu siasatan.

2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

Menyelia pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

2.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Menyelia bantuan bagi melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah; dan
- b. Menyelia bantuan bagi melaksanakan tangkapan.

3. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS-TUGAS LAIN (SEKSYEN 20 DAN 21 AKTA POLIS 1967)

- 3.1 Menyelia tugas kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang), tempat-tempat awam serta sasaran penting;
- 3.2 Menyelia bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM;
- 3.3 Menyelia penyebaran maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan;
- 3.4 Menyelia tugas menjaga harta yang tidak dituntut/ hilang;
- 3.5 Menyelia tugas dalam menjaga harta awam dari hilang atau rosak;
- 3.6 Menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- 3.7 Menyelia dan mengkoordinasi tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan; dan
- 3.8 Menyelia dan mengkoordinasi tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/ orang hilang – MKN No. 20).

4. HUBUNGAN LUAR DAN KEPOLISAN KOMUNITI

- 4.1 Menyelia pelaksanaan usaha-usaha dalam menjalin hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- 4.2 Menyelia aktiviti kerjasama dan menjalinkan hubungan dengan orang awam (masyarakat setempat).

5. PENGURUSAN ORGANISASI

- 5.1 Menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
- 5.2 Menilai prestasi anggota;
- 5.3 Mengawal prestasi dan penambahbaikan;
- 5.4 Menyelia pelaksanaan latihan; dan
- 5.5 Menyelia dan memantau disiplin serta etika kerja.

6. HUBUNGAN KERJA

6.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam PDRM.

6.2 Luaran

- a. Orang awam;
- b. Syarikat swasta;
- c. Jabatan/ agensi kerajaan; dan
- d. Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*).

7. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Sarjan Mejar (Orang Asli) mengikuti latihan di dalam dan luar negara jika perlu.

9. ANCAMAN

- 9.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti berhadapan dengan penjenayah, ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah;
- 9.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara;
- 9.3 Terdedah kepada tekanan mental; dan
- 9.4 Rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA
SUB-INSPEKTOR POLIS ORANG ASLI YP10**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Polis Diraja Malaysia.

2. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS UTAMA

2.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Mengkoordinasi pelaksanaan tugas penguatkuasaan undang-undang.

2.2 Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan tugas rondaan keselamatan di pedalaman dan sempadan;
- b. Mengkoordinasi tugas penyeliaan pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan;
- c. Mengkoordinasi tugas kawalan daripada pencerobohan asing; dan
- d. Mengkoordinasi tugas kawalan aktiviti penyeludupan.

2.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Mengkoordinasi pelaksanaan pengumpulan maklumat; dan
- b. Membantu siasatan.

2.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

Mengkoordinasi pelaksanaan pengumpulan maklumat risikan keselamatan.

2.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Mengkoordinasi bantuan dalam melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah; dan
- b. Mengkoordinasi bantuan bagi melaksanakan tangkapan.

3. SKOP, FUNGSI DAN TUGAS-TUGAS LAIN (SEKSYEN 20 DAN 21 AKTA POLIS 1967)

- 3.1 Mengkoordinasi pelaksanaan tugas kawalan keselamatan di sempadan, tempat mendarat (pelabuhan dan lapangan terbang), tempat-tempat awam serta sasaran penting;
- 3.2 Mengkoordinasi pelaksanaan memberi bantuan kepada unit-unit lain dalam PDRM;
- 3.3 Mengkoordinasi pelaksanaan sebaran maklumat untuk kepentingan awam di kawasan pedalaman dan sempadan;
- 3.4 Mengkoordinasi pelaksanaan tugas menjaga harta yang tidak dituntut/hilang;
- 3.5 Mengkoordinasi pelaksanaan tugas menjaga harta awam dari hilang atau rosak;
- 3.6 Menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- 3.7 Mengkoordinasi pelaksanaan tugas-tugas mengiring dan menjaga banduan serta orang tahanan; dan
- 3.8 Mengkoordinasi pelaksanaan tugas mencari dan menyelamatkan (bencana/orang hilang – MKN No. 20).

4. HUBUNGAN LUAR DAN KEPOLISAN KOMUNITI

- 4.1 Mengkoordinasi pelaksanaan usaha-usaha menjalin hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- 4.2 Mengkoordinasi pelaksanaan memberi kerjasama dan menjalinkan hubungan dengan orang awam (masyarakat setempat).

5. PENGURUSAN ORGANISASI

- 5.1 Mengkoordinasi penggunaan sumber tenaga manusia;
- 5.2 Menilai prestasi anggota;
- 5.3 Mengawal prestasi dan penambahbaikan;
- 5.4 Mengkoordinasi pelaksanaan latihan; dan
- 5.5 Mengawal disiplin serta etika kerja.

6. HUBUNGAN KERJA

6.1 Dalaman

- a. Rakan sekerja; dan
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam PDRM.

6.2 Luaran

- a. Orang awam;
- b. Syarikat swasta;
- c. Jabatan/ agensi kerajaan; dan
- d. Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*).

7. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Ketua Polis Negara boleh mengarahkan Sun-Inspektor (Orang Asli) mengikuti latihan di dalam dan luar negara jika perlu.

9. ANCAMAN

- 9.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti berhadapan dengan penjenayah, ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah;
- 9.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara;
- 9.3 Terdedah kepada tekanan mental; dan
- 9.4 Rasuah.

LAMPIRAN E

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

- NAMA** 1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel), 2008 (kemudian daripada ini disebut "Kaedah-kaedah ini") dan akan berkuat kuasa pada 1.1.2008.
- PEMAKAIAN** 2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuat kuasanya Kaedah-kaedah ini.
- TAFSIRAN** 3. Semua perkara yang disebut dalam Kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967 yang berkuatkuasa.
- SKEL GAJI** 4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel hendaklah seperti yang ditetapkan dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.
- KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE JAWATAN KONSTABEL** 5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(ii) kepujian dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred YY1 : P1T1)
- dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar termasuk pemeriksaan x-ray.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARI PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI DAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL SOKONGAN**
6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Konstabel tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5 (c) (i) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas.
 - (b) diperakukan layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya;
- dan (c) berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN**
7. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
8. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YY1 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
9. Konstabel lantikan terus atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- KURSUS INDUKSI/LATIHAN**
10. (a) Konstabel lantikan terus melalui Kaedah 5 adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.
- (b) Konstabel yang memasuki perkhidmatan melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan melalui Kaedah 6 boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Polis Negara.
- GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN**
11. Konstabel dalam tempoh percubaan yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

12. Konstabel yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) tamat dengan jayanya latihan yang ditetapkan;
 - (c) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Pegawai Memerintahnya.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

13. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEMAJUAN KE PANGKAT LANS KOPERAL

14. Konstabel adalah layak dipertimbang untuk kemajuan ke pangkat Lans Koperal apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (b) mendapat sokongan daripada Pegawai Memerintahnya.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

15. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KOPERAL DARIPADA KONSTABEL DAN LANS KOPERAL

16. Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatan atau Lans Koperal adalah layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat ke jawatan Koperal yang kosong apabila telah:
- (a) (i) lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah); atau
 - (ii) lulus peperiksaan ketukangan yang telah ditetapkan oleh Ketua Polis Negara;
- (Anggota-anggota yang memilih untuk berkhidmat terus dalam Cawangan Ketukangan tidak akan dipertimbang bagi kenaikan pangkat untuk mengisi kekosongan bagi jawatan-jawatan di luar dari Cawangan Ketukangan. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka ingin bertukar keluar dari Cawangan Ketukangan mereka dikehendaki terlebih dahulu lulus Peperiksaan Undang-Undang Rendah).
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

- KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN SARJAN**
17. Koperal adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
- KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN SARJAN MEJAR**
18. Sarjan adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
- KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN SUB-NSPEKTOR**
19. Sarjan Mejar adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sub-Inspektor yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
- PEPERIKSAAN KHAS**
20. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatannya dan telah lulus peperiksaan Undang-Undang Rendah boleh mengambil Peperiksaan Khas yang disyaratkan untuk lantikan ke jawatan Inspektor.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE JAWATAN INSPEKTOR DALAM PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS**
21. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Inspektor yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Kanan Polis mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 , JPA(S)324/14/6-1 Klt. 12 SK 2 (52)]

**JADUAL
(KAEDAH 4)**

Pangkat	Gred	Jadual Gaji Matriks			
Konstabel	Gred YY1	:	P1T1 RM897.00	-	P1T21 RM2065.40
			P2T1 RM957.13	-	P2T21 RM2159.73
			P3T1 RM1018.99	-	P3T21 RM2256.19
Lans Koperal	Gred YY2	:	P1T1 RM1386.21	-	P1T14 RM2285.94
			P2T1 RM1534.07	-	P2T14 RM2515.57
Koperal	Gred YY4	:	P1T1 RM1071.61	-	P1T18 RM2551.66
			P2T1 RM1219.47	-	P2T18 RM2865.29
Sarjan	Gred YY6	:	P1T1 RM1513.62	-	P1T15 RM2836.62
			P2T1 RM1712.94	-	P2T15 RM3132.26
Sarjan Mejar	Gred YY8	:	P1T1 RM1773.16	-	P1T12 RM2897.80
			P2T1 RM1991.81	-	P2T12 RM3220.40
Sub-Inspektor	Gred YY10	:	P1T1 RM2032.71	-	P1T12 RM3157.35
			P2T1 RM2251.36	-	P2T12 RM3479.95

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG BARU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN POLIS

(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Fail Rujukan:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :
.....

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG DIUBAH

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mengubah skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli berkuat kuasa pada 1 Januari 2008. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah mulai 1 Januari 2008.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran F1** dan hendaklah **dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2007**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau tidak tawaran ini dengan mengisi borang opsyen di **Lampiran F2** seperti berikut dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran F2; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran F2.

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

**SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH
POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG DIUBAH**

(bagi pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)

1. Kerajaan telah memutuskan untuk mengubah skim **OPSYEN** perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10 kepada skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10 yang diubah. Dengan keputusan ini, tuan/ puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah ataupun jika menolak akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/ puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan yang diubah pada gred yang bersesuaian dengan jawatan tuan/ puan di skim perkhidmatan yang terdahulu. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan akan ditetapkan gaji permulaan berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru. Tuan/ puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat (P) gaji di gred jawatan baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) di gred jawatan

baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) seterusnya. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Pergerakan gaji tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/ puan dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberikan di gred jawatan baru. **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Tarikh pergerakan gaji tuan/ puan berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
8. Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pensen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
9. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
10. Kekananan tuan/ puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
11. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim KWSP. **OPSYEN SKIM KWSP**
12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak dipertimbang diberi taraf pegawai berpencen mengikut undang-undang pensen yang berkuatkuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

14. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
15. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan. **PENEMPATAN**
16. Ketua perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
17. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuatkuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
18. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
19. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2008**. **TARIKH KUAT KUASA**
20. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG BARU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN POLIS

(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG DIUBAH

Berhubung dengan surat tuan bil. bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:

* (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah dengan menerima gaji P.T.. sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji YP.....

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang baru dan dengan ini kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyangang.

Tandatangan :
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

.....
Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**
(Tandatangan dan Cap Jawatan)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

.....
Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG BARU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN POLIS

(kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Fail Rujukan:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :

.....

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG DIUBAH

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mengubah skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli kepada skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang baru berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

2. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang baru yang akan berkuatkuasa sehari selepas tuan/puan mendapat kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan atau selepas genap tempoh perkhidmatan sembilan (9) tahun di atas Gred YP1 skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002) seperti yang dinyatakan di perenggan 18(a)(iv) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2007. Oleh itu, tuan/ puan adalah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred YP1 skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002) sehingga memenuhi syarat tersebut.

3. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau tidak tawaran ini dengan mengisi borang opsyen di **Lampiran G2** dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada

3.1 Menerima Tawaran:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran **G2**; atau

3.2 Menolak Tawaran:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran **G2**.

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

LAMPIRAN G1

SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG DIUBAH

(Bagi Pegawai Tetap Yang Belum Memenuhi Syarat Tukar Lantik)

1. Kerajaan telah memutuskan untuk mengubah skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10 kepada skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP1, YP2, YP4, YP6, YP8, YP10 yang baru. Dengan keputusan ini, tuan/ puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang baru ataupun jika menolak akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/ puan yang tidak memiliki kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum genap sembilan (9) tahun perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred jawatan asal skim perkhidmatan sedia ada. Tuan/ puan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang diubah pada Gred YP1 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Gaji tuan/ puan hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Gred YP1 baru sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan PMR/ SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap sembilan (9) tahun perkhidmatan seperti berikut: **GAJI PERMULAAN**

- (a) Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred YP1 baru.
- (b) Tuan/ puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred YP1 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) seterusnya. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

- 6. Pergerakan gaji tahunan tuan/ puan akan diberi di gred jawatan asal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan tuan/ puan sehingga layak ditukar lantik. **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- 7. Tarikh pergerakan gaji tuan/ puan berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
- 8. Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
- 9. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**

10. Kekananan tuan/ puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
11. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim KWSP. **OPSYEN SKIM KWSP**
12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak dipertimbang diberi taraf pegawai berpencen mengikut undang-undang pencen yang berkuatkuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**
14. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
15. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan. **PENEMPATAN**
16. Ketua perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
17. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuatkuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
18. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
19. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuatkuasa sehari selepas tuan/ puan memenuhi syarat yang ditetapkan. **TARIKH KUAT KUASA**
20. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

LAMPIRAN G2

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG BARU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN POLIS

(Kepada Pegawai Tetap Yang Belum Memenuhi Syarat Tukar Lantik)

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI YANG DIUBAH

Berhubung dengan surat tuan bil. bertarih mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti berikut:

* (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah atas Gred YP1 yang akan berkuat kuasa sehari selepas memenuhi syarat perkhidmatan yang ditetapkan.

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli yang diubah dan dengan ini kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarih dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang.

Tandatangan :
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

.....
Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**
(Tandatangan dan Cap Jawatan)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

.....
Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN H

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI
PERTUKARAN PELANTIKAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN
KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP2 KE PEGAWAI RENDAH POLIS
DAN KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP2 BARU**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2008
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YP2 (RM)	Gaji Baru Gred YP2 (RM)	Catatan
31.12.2007	RM1632.96 (P1T5)	-	Gaji akhir di Gred YP2 asal.
1.1.2008	RM1632.96 (P1T5)	RM1696.53 (P1T6)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan akan ditawarkan kepada pegawai.
1.1.2008	-	RM1760.10 (P1T7)	TPG di Gred YP2 asal dan pergerakan gaji diberi di Gred YP2 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM
1.1.2009	-	RM1823.67 (P1T8)	TPG di Gred YP2 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN H1

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI
PERTUKARAN PELANTIKAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN
KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP1 YANG BELUM DISAHKAN
DALAM PERKHIDMATAN KE PEGAWAI RENDAH POLIS DAN
KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP1 BARU**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2008
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YP1 (RM)	Gaji Baru Gred YP1 (RM)	Catatan
31.12.2007	RM913.05 (P1T2)	-	Gaji akhir di Gred YP1 asal.
1.1.2008	RM913.05 (P1T2)	RM971.47 (P1T3)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan akan ditawarkan kepada pegawai..
1.10.2008	-	RM1029.89 (P1T4)	TPG di pangkat Gred YP1 asal dan pergerakan gaji diberi di Gred YP1 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM
1.1.2009	-	RM1088.31 (P1T5)	TPG di Gred YP1 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN H2**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PEGAWAI RENDAH POLIS
DAN KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP1 YANG TELAH DISAHKAN
DALAM PERKHIDMATAN KE PEGAWAI RENDAH POLIS DAN
KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP1 BARU**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2008
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YP1 (RM)	Gaji Baru Gred YP1 (RM)	Catatan
31.12.2007	RM1321.99 (P1T9)	-	Gaji akhir di Gred YP1 asal.
1.1.2008	RM1321.99 (P1T9)	RM1380.41 (P1T10)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan akan ditawarkan kepada pegawai.
1.4.2008	-	RM1438.83 (P1T11)	TPG di Gred YP1 asal dan pergerakan gaji diberi di Gred YP1 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM
1.1.2009	-	RM1497.25 (P1T12)	TPG di Gred YP1 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN H3**KAEDAH PELARASAN GAJI PEGAWAI RENDAH POLIS DAN
KONSTABEL ORANG ASLI GRED YP1 PEGAWAI BERKELAYAKAN
TAMAT DARJAH ENAM YANG BELUM MEMENUHI SYARAT TEMPOH
PERKHIDMATAN SEMBILAN TAHUN PADA TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2008
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YP1 (RM)	Gaji Baru Gred YP1 (RM)	Catatan
31.12.2007	RM1263.57 (P1T8)	-	Gaji akhir di Gred YP1 asal
1.1.2008	RM1263.57 (P1T8)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai dikekalkan gaji di gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang.
1.4.2008	RM1321.99 (P1T9)	-	TPG di Gred YP1 asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Pegawai dikekalkan gaji di gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang.
1.4.2008	RM1321.99 (P1T9)	-	Telah memenuhi syarat tempoh perkhidmatan.
2.4.2008	RM1321.99 (P1T9)	RM1380.41 (P1T10)	Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai sehari selepas memenuhi syarat tempoh perkhidmatan yang ditetapkan.
1.1.2009	-	RM1438.83 (P1T11)	TPG di Gred YP1 baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji